

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

5. Apakah status kerja merangka Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang?
 - (a) Nyatakan kawasan-kawasan Bukit Tengah yang sudah dikenal pasti dan sedang dikaji untuk dimasukkan dalam pelan tersebut.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Pada masa ini, Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang sedang dikemaskini dan diperhalusi dengan input dan maklum balas daripada sesi Town Hall yang telah diadakan pada 13 Februari 2020. Seterusnya, pelan tersebut akan dibentangkan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan, Ahli Parlimen dan ADUN di Pulau Pinang sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Penerbitan pelan tersebut ditangguh sehingga situasi COVID-19 bertambah baik di Malaysia disebabkan perubahan dan penyelarasannya beberapa pelan promosi kepada selepas COVID-19.
 - (a) Kawasan-kawasan Bukit Tengah yang telah dikenal pasti dan sedang dikaji adalah Sungai Juru, Bukit Juru dan Juru Nature Park.